

PENYATA MAKLUMAT SIJIL

Anda harus membaca maklumat-maklumat berikut bersama-sama dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Sijil ini.

1 BUKTI UMUR

Umur Anda akan diperakui sebelum permulaan perlindungan apabila bukti berdokumen yang disediakan oleh Anda dan yang mana dapat diterima oleh Kami.

2 PENUKARAN ALAMAT DAN SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI YANG LAIN

Untuk membolehkan Kami memaklumkan kepada Anda mengenai maklumat-maklumat penting, Anda harus pastikan bahawa Kami mempunyai alamat surat-menyurat, alamat e-mel Anda yang terkini dan maklumat untuk dihubungi yang lain, serta alamat terkini penama-penama (jika ada). Selain itu, sila maklumkan kepada Kami maklumat terkini berkaitan cukai sekiranya ada sebarang perubahan kepada keadaan Anda atau sekiranya sebarang maklumat dalam rekod Kami adalah salah.

3 TEMPOH RUJUKAN PERCUMA

Sekiranya Anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Sijil ini, Anda boleh membatalkannya dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Begitu juga, Kami mungkin akan membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Sekiranya hal ini berlaku dan setelah Kami mengembalikan jumlah sumbangan Anda, Kami akan membatalkan Sijil ini.

4 BAYARAN SUMBANGAN

Anda boleh membayar sumbangan Anda menggunakan Kad Debit atau Kredit.

Sebarang sumbangan yang Anda bayar kepada Kami akan dinyatakan dalam Penyata Kad Debit atau Kredit atau Penyata Bank Anda. Ini akan menjadi pengesahan dari Kami untuk pembayaran tersebut.

Adalah penting untuk Anda menyimpan Penyata Kad Debit atau Kredit atau Penyata Bank Anda sebagai bukti bayaran sumbangan untuk rujukan pada masa hadapan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web Kami di www.prubsn.com.my.

5 PENYERAHAN SIJIL ANDA

Anda boleh menyerahkan Sijil Anda pada bila-bila masa yang Anda kehendaki. Sekiranya Anda memilih untuk menyerahkan Sijil Anda, tiada amaun yang akan dibayar kepada Anda. Perlindungan Anda akan diteruskan sehingga Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis penyerahan Anda.

Ia mungkin tidak menguntungkan sekiranya Anda menyerahkan atau menggantikan Sijil sedia ada dengan yang baru.

Sila hubungi Khidmat Pelanggan Kami sebelum membuat keputusan muktamad.

6 PENYERAHAN TUNTUTAN

Sekiranya Anda perlu membuat tuntutan, Anda mesti menghantar notis bertulis kepada Kami ke alamat di bawah dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kejadian. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya ia boleh ditunjukkan sebagai tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat mungkin.

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,

55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Apabila Kami telah menerima notis tersebut, Kami akan memaklumkan Anda mengenai dokumen-dokumen yang berkenaan yang perlu Anda lengkapkan dan hantarkan kepada Kami untuk memproses tuntutan Anda. Sekiranya Anda memerlukan bantuan, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Kami di nombor yang tertera di bawah.

7 PERMOHONAN AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan atau permohonan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi, sila hubungi Khidmat Pelanggan Kami.

Sebarang permohonan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi mungkin dikenakan bayaran dan juga tertakluk kepada sebarang undang-undang privasi atau perlindungan data.

8 KHIDMAT PELANGGAN

Cawangan

Cawangan Kami beroperasi dari 8:45 pagi sehingga 4:15 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum).

Pusat Panggilan

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi talian **Khidmat Pelanggan** Kami di **03 2775 7188** pada waktu pejabat (8:30 pagi hingga 5:15 petang dari Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum).

Surat-menyurat dan E-mel

Anda boleh menghantar surat kepada Kami di:

Unit Khidmat Pelanggan

Prudential BSN Takaful Berhad 200601020898 (740651-H)
Aras 13, Menara Prudential,
Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange,
Kuala Lumpur

E-mel: customer@prubsn.com.my

9 OMBUDSMAN UNTUK PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT BNM (LINK)

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dan Laman Informasi Nasihat dan Khidmat BNM (LINK) telah ditubuhkan untuk memberi perlindungan kepada pelanggan dan membantu Anda untuk menyelesaikan sebarang perselisihan mengenai tuntutan di antara Anda dan Kami. Sekiranya Anda tidak berpuas hati dengan sesuatu keputusan yang telah Kami buat, Anda boleh menulis kepada alamat-alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
Laman web: www.ofs.org.my

Pengarah

Jabatan LINK & Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia,
Peti Surat 10922,
50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

KONTRAK SYARIAH (‘AQAD)

1. Hubungan Secara Kontrak di kalangan peserta-peserta yang menyumbang ke Dana *Tabarru`*

Anda bersetuju untuk menyertai di dalam pelan ini adalah bersama dengan semua peserta yang lain berdasarkan prinsip *Ta`awun* (bantuan bersama). Sumbangan *Tabarru`at* (kebajikan) akan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan Sumbangan peserta yang lain untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada semua peserta yang layak atau benefisiari mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui berdasarkan manfaat takaful yang dipersetujui di bawah pelan tersebut.

2. Hubungan Secara Kontrak di antara Anda dan Kami

2.1. *Wakalah*

- 2.1.1. Anda bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan pelan takaful ini dan melaburkan Dana *Tabarru`*. Kami diberi kuasa untuk melaksanakan operasi takaful berdasarkan prinsip Syariah, undang-undang dan pengawalseliaan dan juga terma-terma yang dinyatakan.
- 2.1.2. Sebagai pulangan kepada tugas yang dijalankan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Anda bersetuju untuk membayar Caj *Wakalah* kepada Kami seperti yang ditentukan di bawah Jadual 2 dan Peruntukan Sijil Klausula 6.1. Selain daripada Caj *Wakalah*, Kami juga layak menerima yuran prestasi di atas Lebihan yang Boleh Diagihkan seperti yang dinyatakan di bawah Peruntukan Sijil Klausula 3.1.1.
- 2.1.3. Apabila keadaan yang dianggap sebagai salah urus, kecuaiian atau pelanggaran istilah tertentu, Kami akan menanggung dan hendaklah membayar kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos sebenar yang dialami oleh Anda.
- 2.1.4. Kontrak *Wakalah* ini hendaklah dibubarkan apabila kematangan, penamatan akibat serahan atau sebarang keadaan yang ditentukan di bawah Peruntukan Sijil Klausula 9.8. Kami layak untuk menerima Caj *Wakalah* bagi perkhidmatan yang diberikan.

PERUNTUKAN SIJIL

Dalam keseluruhan Sijil, perkataan dan ungkapan yang berikut adalah ditakrifkan di bawah.

Umur	Umur pada hari lahir yang akan datang.
Sijil	Dokumen yang merangkumi Pendahuluan, Penyata Maklumat Sijil, Jadual-jadual, Kontrak Syariah (<i>`Aqad</i>), Peruntukan Sijil dan sebarang notis pengesahan pada masa hadapan yang Kami mungkin keluarkan.
Ulang Tahun Sijil	Merujuk kepada tarikh yang sama dengan Tarikh Permulaan pada setiap tahun.
Sumbangan	Sumbangan yang Anda perlu bayar untuk Manfaat Kanser di bawah Sijil ini. Ia merangkumi Caj <i>Wakalah</i> dan Potongan <i>Tabarru`</i> .
Tarikh Sumbangan Patut Dibayar	Hari pertama Sumbangan Anda patut dibayar, berdasarkan frekuensi bayaran yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Tarikh Sumbangan Patut Dibayar yang pertama adalah Tarikh Permulaan.
Lebihan yang Boleh Diagihkan	Lebihan yang terhasil termasuk Keuntungan Pelaburan daripada Dana <i>Tabarru`</i> selepas pembayaran tuntutan dan rizab. Lebihan yang Boleh Diagihkan adalah dihitung dan diagihkan (jika ada) setiap tahun.
Keuntungan Pelaburan	Keuntungan daripada pelaburan Dana <i>Tabarru`</i> , yang akan diagihkan bersama dengan Lebihan yang Boleh Diagihkan.
Kedaaan Sedia Ada	Penyakit dan/atau keadaan yang Anda tahu dengan sewajarnya sebelum Tarikh Permulaan. Anda mungkin dianggap tahu dengan sewajarnya tentang Kedaaan Sedia Ada di mana penyakit dan/atau keadaan tersebut adalah sesuatu yang mana: (a) Anda telah atau sedang menerima rawatan; atau (b) nasihat perubatan, diagnosis, jagaan atau rawatan telah disyorkan; atau (c) tanda-tanda ketara dan jelas atau telah terbukti; atau (d) kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas bagi seseorang individu yang waras.
Potongan <i>Tabarru`</i>	Baki dari Sumbangan Anda selepas ditolak Caj <i>Wakalah</i> . Ia akan disumbangkan ke dalam Dana <i>Tabarru`</i> bagi tujuan bantu-membantu berdasarkan manfaat-manfaat yang dipersetujui di bawah pelan ini.
Dana <i>Tabarru`</i>	Dana yang dimiliki bersama oleh peserta-peserta di mana Potongan <i>Tabarru`</i> daripada peserta-peserta diletakkan dan dikumpulkan bersama-sama. Dana ini digunakan membayar manfaat yang telah dipersetujui di bawah pelan ini berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama.
Caj <i>Wakalah</i> Pendahuluan	Bahagian daripada Caj <i>Wakalah</i> yang akan Kami gunakan untuk membayar perbelanjaan berkaitan pendedaran.
Caj <i>Wakalah</i>	Sebarang caj yang Anda bayar kepada Kami untuk perkhidmatan yang Kami berikan.
Kami	Prudential BSN Takaful Berhad.

Anda

Orang yang Dilindungi di bawah pelan takaful ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

1 RINGKASAN BUTIRAN SIJIL

Ini adalah pelan takaful keluarga yang diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan takaful, tertakluk kepada pembaharuan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.10.

Tertakluk kepada Jadual-jadual dan peruntukan-peruntukan yang disebut dalam Peruntukan Sijil ini, Kami akan menyediakan Manfaat Kanser dan Anda bersetuju untuk membayar Sumbangan kepada Kami.

Kami akan mengambil Caj *Wakalah* daripada Sumbangan Anda. Baki Sumbangan Anda akan dimasukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

Anda layak untuk menerima Lebihan yang Boleh Diagihkan (jika ada) daripada Dana *Tabarru`* seperti yang dinyatakan di Seksyen 3.1.

2 SUMBANGAN

2.1 Pembayaran Sumbangan

2.1.1 Amaun dan frekuensi Sumbangan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Anda perlu membayar Sumbangan pertama sebelum Tarikh Permulaan yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Sumbangan yang berikutnya yang ditunjukkan dalam Jadual 2 akan dibayar pada setiap Tarikh Sumbangan Patut Dibayar.

2.1.2 Kadar sumbangan yang digunakan pada sebarang masa tertentu adalah ditentukan oleh Kami. Kadar sumbangan akan berbeza mengikut:

- (a) Umur Anda pada hari lahir yang akan datang pada setiap Ulang Tahun Sijil; dan
- (b) Manfaat Kanser; dan
- (c) jantina Anda; dan
- (d) status merokok Anda.

2.1.3 Kadar sumbangan adalah tidak dijamin dan Kami boleh membuat perubahan pada kadar sumbangan dengan memberi notis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Perubahan pada kadar sumbangan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya selepas notis tersebut. Sekiranya Ulang Tahun Sijil yang berikutnya jatuh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kami menghantar notis, perubahan pada kadar sumbangan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

2.2 Jumlah Sumbangan yang Tidak Dibayar

2.2.1 Sekiranya Anda tidak membayar Sumbangan dalam tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Patut Dibayar, Sijil akan luput seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7.

3 LEBIHAN YANG BOLEH DIAGIHKAN

3.1 Lebihan yang Boleh Diagihkan daripada Dana *Tabarru`*

3.1.1 Kami akan menentukan amaun sebenar bagi Lebihan yang Boleh Diagihkan setiap tahun dan sebarang amaun adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah Kami. Anda, kemudiannya, layak untuk menerima lima puluh peratus (50%) daripada Lebihan yang Boleh Diagihkan (jika ada) yang terhasil daripada Potongan *Tabarru`* Anda ke dalam Dana *Tabarru`*. Baki Lebihan yang Boleh Diagihkan sebanyak lima puluh peratus (50%) akan diberikan kepada Kami sebagai yuran prestasi

untuk menguruskan Dana *Tabarru`*.

- 3.1.2 Sekiranya terdapat defisit, Kami akan memberikan pinjaman tanpa faedah (*Qard*) untuk menampung defisit tersebut. Kami akan membawa pinjaman tersebut ke tahun kewangan seterusnya dan mungkin akan menggunakan sebarang Lebihan yang Boleh Diagihkan pada masa hadapan untuk membayar balik pinjaman tanpa faedah tersebut. Kami kemudiannya akan membayar baki yang tinggal (jika ada) mengikut apa yang dinyatakan dalam Seksyen 3.1.1.

4

MANFAAT

4.1 Manfaat Kanser

- 4.1.1 Sekiranya Anda didiagnos dengan Kanser bermula dari dan termasuk tarikh diagnosis semasa Sijil masih berkuatkuasa, Kami akan membayar Manfaat Kanser seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 daripada Dana *Tabarru`* ditolak sebarang amaun tertunggak yang perlu dibayar kepada Kami.
- 4.1.2 Sekiranya Anda didiagnos dengan Kanser Tiroid, pembayaran Manfaat Kanser akan dihadkan kepada sepuluh peratus (10%) daripada Manfaat Kanser di bawah Sijil ini. Keadaan yang dilindungi ini akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak dari amaun Manfaat Kanser. Kami hanya akan membayar baki jumlah yang tinggal jika Anda didiagnos dengan mana-mana Kanser yang lain.
- 4.1.3 Amaun maksimum yang Kami akan bayar untuk Manfaat Penyakit Kritikal termasuk Manfaat Kanser di bawah Sijil ini dan/atau mana-mana sijil lain yang Kami keluarkan adalah TIDAK melebihi Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) seorang atau apa-apa had.

4.1.4 Definisi

4.1.4.1 Kanser

Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (a) Semua kanser yang diklasifikasikan secara histologi sebagai salah satu dari berikut:
- pra-malignan
 - bukan invasif
 - karsinoma in situ
 - mempunyai malignan pinggiran (*borderline*)
 - mempunyai potensi malignan; atau
- (b) Semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau
- (c) Semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau
- (d) Semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM); atau
- (e) Leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3; atau
- (f) Semua kanser dengan kewujudan HIV; atau
- (g) Sebarang kanser kulit selain daripada malignan melanoma.

4.1.4.2 Kanser Tiroid

Kanser tiroid bermaksud sebarang tumor malignan di kelenjar tiroid yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan pencerobohan tisu. Untuk definisi di atas,

semua tumor tiroid secara histologi yang dikelaskan sebagai T1N0M0 (pengelasan TNM) adalah tidak dilindungi.

4.1.5 **Pengecualian**

4.1.5.1 Kami tidak akan membayar Manfaat Kanser sekiranya simptom Kanser muncul dalam tempoh enam puluh (60) hari dari Tarikh Permulaan.

4.1.5.2 Kami tidak akan membayar Manfaat Kanser sekiranya Kanser adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kewujudan sebarang jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV).

4.1.5.3 Kami tidak akan membayar Manfaat Kanser untuk sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada Kami. Pengecualian ini akan digunapakai selama dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan. Sebarang Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada Kami selepas tempoh dua belas (12) bulan tersebut akan diambil tindakan sewajarnya mengikut Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

4.1.6 **Syarat**

4.1.6.1 Anda harus menghantar notis tuntutan bertulis ke ibu pejabat Kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh diagnosis. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya ia boleh ditunjukkan sebagai tidak munasabah untuk memberikan notis itu dan notis itu telah diberikan secepat mungkin.

4.1.6.2 Penerimaan tuntutan adalah tertakluk kepada bukti diagnosis yang memuaskan Kami dan bukti tersebut haruslah dihantar kepada Kami:

(a) tidak lebih daripada seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh diagnosis; dan

(b) menggunakan perbelanjaan Anda sendiri.

Kami boleh menolak sebarang tuntutan sekiranya Anda tidak menepati syarat-syarat di atas.

5 **PILIHAN ANDA**

5.1 Semasa Sijil masih berkuatkuasa, tertakluk kepada Anda memperoleh kelulusan Kami dengan mengisi borang permohonan yang berkaitan, Anda boleh menukar arahan asal seperti status merokok Anda seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1. Penukaran ini mungkin akan menyebabkan Sumbangan Anda berubah.

5.2 **Serahan**

5.2.1 Anda boleh menyerahkan Sijil Anda pada bila-bila masa yang Anda kehendaki.

5.2.2 Sekiranya Anda memilih untuk menyerahkan Sijil Anda selepas Tempoh Rujukan Percuma, tiada amaun yang akan dibayar kepada Anda. Perlindungan Anda akan diteruskan sehingga Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis penyerahan Anda.

6 **POTONGAN *TABARRU`* DAN CAJ**

6.1 **Caj *Wakalah* Pendahuluan**

6.1.1 Kami akan menolak Caj *Wakalah* Pendahuluan daripada setiap Sumbangan yang diterima. Peratusan amaun yang ditolak untuk Caj *Wakalah*, yang akan dikenakan ke atas Sumbangan, adalah dinyatakan dalam Jadual 2. Caj ini adalah bertujuan untuk membayar perbelanjaan berkaitan pengedaran.

6.2 **Caj Pemprosesan**

6.2.1 Hal ini tertakluk kepada caj pemprosesan sekiranya Kami membenarkan Anda untuk melakukan mana-mana pilihan yang tersedia untuk Anda di bawah Sijil ini.

6.3 **Potongan *Tabarru`***

6.3.1 Kami akan membuat Potongan *Tabarru`* untuk Manfaat Kanser dan melatakannya ke dalam Dana *Tabarru`*. Potongan *Tabarru`* adalah dinyatakan dalam Jadual 2.

6.4 Potongan *Tabarru`* dan caj adalah tidak dijamin. Kami boleh membuat perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang berikutnya selepas notis tersebut. Sekiranya Ulang Tahun Sijil yang berikutnya jatuh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Kami menghantar notis, perubahan pada Potongan *Tabarru`* dan caj-caj akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Sijil yang seterusnya.

7 **LUPUT**

7.1 Sekiranya Anda gagal membayar Sumbangan dalam tempoh tangguh selama tiga puluh (30) hari dari Tarikh Sumbangan Patut Dibayar, Sijil akan menjadi luput dan tidak lagi berkuatkuasa.

8 **PENGUATKUASAAN SEMULA**

8.1 Penguatkuasaan semula adalah tidak dibenarkan apabila Sijil telah luput.

9 **UMUM**

9.1 **Ketidakbolehpertikaian dan Salah Nyata**

9.1.1 Selain daripada pengecualian-pengecualian yang dinyatakan dalam Seksyen 4, Seksyen 9.1.2 atau sebarang peruntukan yang ditetapkan dalam Sijil ini, kesahihan Sijil ini tidak boleh dipertikaikan lagi selepas ia berkuatkuasa selama dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan.

9.1.2 Sekiranya Sijil ini telah berkuatkuasa untuk tempoh lebih daripada dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan, ia tidak patut dielakkan oleh Kami berdasarkan pernyataan(-pernyataan) yang dibuat atau yang tidak dibuat:

- (a) pada peringkat cadangan sijil; atau
- (b) dalam laporan doktor rujukan, atau sesiapa yang lain; atau
- (c) dalam dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil ini;

yang tidak tepat atau palsu atau mengelirukan. Walau bagaimanapun, Sijil Anda mungkin boleh dielakkan sekiranya Kami dapat membuktikan bahawa pernyataan tersebut adalah untuk perkara-perkara penting atau Anda telah menyelindungi Fakta Penting (seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.1.3) dan ia dibuat dengan tidak jujur atau diselindungi oleh Anda.

9.1.3 Untuk lebih jelas, "Fakta Penting" bermaksud fakta yang penting yang mana, jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganan Kami untuk mengeluarkan Sijil ini atau akan membawa kepada pengeluaran Sijil dengan terma-terma dan syarat-syarat yang berbeza.

9.1.4 Sekiranya berlaku salah nyata di mana Sijil Anda telah berkuatkuasa untuk tempoh dua (2) tahun atau kurang, tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan Jadual 9 bagi Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang mana boleh mengakibatkan salah satu daripada yang berikut:

- (a) Sijil Anda menjadi tidak sah dan semua tuntutan ditolak; atau
- (b) perubahan pada terma-terma dalam Sijil ini; atau
- (c) perubahan pada amaun Sumbangan Anda; atau
- (d) sebarang penyelesaian lain yang dianggap sesuai berdasarkan salah nyata.

9.2 Tempoh Rujukan Percuma

- 9.2.1 Anda boleh membuat permintaan untuk membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan. Begitu juga, bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan Sijil Anda dalam tempoh lima belas (15) hari dari Tarikh Permulaan.
- 9.2.2 Sekiranya hal ini berlaku dan setelah bayaran balik Sumbangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dibuat, Kami akan membatalkan Sijil ini.

9.3 Pemberitahuan

- 9.3.1 Semua pemberitahuan kepada Anda adalah secara bertulis dan akan diserahkan selengkapnya kepada Anda.
- 9.3.2 Semua pemberitahuan kepada Kami juga harus diserahkan selengkapnya secara bertulis.
- 9.3.3 Sebarang pemberitahuan yang dihantar melalui pos akan dianggap telah diterima tiga (3) hari selepas diposkan tanpa mengira sama ada ia sebenarnya telah diterima atau tidak.
- 9.3.4 Kami boleh menghantar notis kepada Anda melalui e-mel, pesanan teks atau sebarang cara lain mengikut kesesuaian. Sekiranya notis dihantar melalui e-mel atau pesanan teks atau sebarang cara lain, ia akan dianggap sebagai notis bertulis dan dianggap telah diterima pada hari niaga yang berikutnya selepas dihantar.
- 9.3.5 Untuk pemberitahuan am yang melibatkan semua peserta, notis akan dianggap mencukupi dan lengkap sekiranya ia diberitahu melalui iklan di dalam dua (2) suratkhbar utama dan/atau melalui laman web Kami.

9.4 Pengesahan Pemberitahuan

- 9.4.1 Sekiranya Kami mengeluarkan pengesahan pemberitahuan, Kami akan menganggap pemberitahuan tersebut adalah betul kecuali terdapat kesalahan yang nyata atau Anda membuat aduan mengenainya kepada Kami dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pengesahan pemberitahuan.

9.5 Cukai

- 9.5.1 Sekiranya terdapat sebarang cukai yang perlu Anda bayar di bawah undang-undang Malaysia, Kami boleh mengutip daripada Anda amaun cukai yang perlu dibayar pada kadar semasa ke atas bahagian yang berkaitan bagi Sijil Anda.
- 9.5.2 Tanggungjawab Anda untuk membayar cukai akan menjadi sebahagian daripada terma-terma dan syarat-syarat Sijil Anda.

9.6 Tuntutan

- 9.6.1 Sebelum Kami membayar sebarang tuntutan di bawah Sijil ini, Kami boleh meminta sebarang dokumen tambahan termasuk dokumen undang-undang bagi memproses dan meluluskan tuntutan tersebut.

9.7 Dasar Sijil ini dan Hak

- 9.7.1 Kami menyediakan manfaat-manfaat di bawah Sijil ini setelah Anda membayar Sumbangan yang berkenaan.
- 9.7.2 Semua pernyataan dan maklumat yang Anda berikan mestilah benar dan tepat. Bagi sebarang kenyataan yang salah, salah nyata atau penyelindungan maklumat, Kami akan memperlakukan Sijil ini seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 9.1.
- 9.7.3 Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan Sijil sekiranya kejadian di bawah Seksyen 9.7.2 terjadi.

9.8 Penamatan

- 9.8.1 Sijil ini akan tamat secara automatik:
 - (a) pada Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas pemberitahuan penyerahan; atau

- (b) apabila Sijil ini luput; atau
- (c) pada hari sebaik selepas Tarikh Tamat Tempoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1; atau
- (d) jika Kami telah meluluskan tuntutan untuk Manfaat Kanser (selain daripada Kanser Tiroid); atau
- (e) apabila Anda meninggal dunia; atau
- (f) apabila Sijil dibatalkan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 9.2.1 atau 9.7.3; atau
- (g) pada Ulang Tahun Sijil seterusnya selepas notis berkenaan Syarat Penarikan Balik Portfolio;

mana-mana yang berlaku terlebih dahulu.

9.8.2 Sekiranya Kami menamatkan Sijil ini, ia tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang telah berlaku sebelum Sijil ini tamat.

9.8.3 Semua Caj *Wakalah* yang dibayar yang merupakan sebahagian daripada sumbangan yang patut dibayar tidak akan dipulangkan apabila penamatan.

9.9 **Perubahan kepada Sijil**

9.9.1 Kami boleh mengubah mana-mana Seksyen dalam Sijil ini, yang mungkin perlu disebabkan oleh sebarang perundangan, pengawalan, peraturan atau polisi yang ditetapkan oleh sebarang badan penguatkuasaan berkenaan di Malaysia.

9.9.2 Kami boleh mengubah mana-mana terma yang terkandung dalam Sijil ini yang tidak akan memberi sebarang kesan kepada hak dan manfaat Anda di bawah Sijil ini. Pemberitahuan bagi perubahan tersebut akan dilakukan melalui pemberitahuan umum kepada Anda.

9.10 **Pembaharuan Sijil**

9.10.1 Sijil ini akan diperbaharui pada setiap Ulang Tahun Sijil selagi Sumbangan dibayar oleh Anda mengikut Seksyen 2 dan tertakluk kepada Syarat Penarikan Balik Pengeluaran Portfolio seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 9.11.

9.11 **Syarat Penarikan Balik Portfolio**

9.11.1 Bagi melindungi atau mendahulukan kepentingan Anda dan pelanggan Kami yang lain dengan adil, Kami mungkin akan membatalkan portfolio secara keseluruhan jika Kami membuat keputusan untuk tidak meneruskan pengunderitan pelan ini.

9.11.2 Dengan berbuat demikian, Kami akan berhenti memperbaharui sebarang Sijil yang perlu diperbaharui pada Ulang Tahun Sijil dan berhenti menerima apa-apa Sijil baru.

9.11.3 Kami akan memaklumkan kepada Anda tentang keputusan Kami dengan memberikan notis tiga puluh (30) hari kepada Anda. Sijil Anda akan terus berkuatkuasa sehingga Ulang Tahun Sijil selepas notis tersebut.

****DOKUMEN TAMAT****